

12/05/2001

11 projek kolej komuniti gagal siap ikut jadual

M Noh Senan

SEREMBAN, Jumaat - Sebanyak 11 projek Kolej Komuniti bernilai kira-kira RM200 juta, mungkin tidak dapat disiapkan mengikut jadual apabila pemaju yang dilantik kerajaan menghadapi masalah kewangan kerana hingga kini masih belum menerima sebarang bayaran wang kemajuan projek.

Berikutan itu, semua pemaju dan kontraktor Bumiputera terbabit kini dalam dilema sama ada mampu meneruskan projek perintis nasional itu yang dilaksanakan mengikut sistem 'fast track' kerana kesempitan wang.

Sehingga ini, mereka mengharapkan pembayaran wang kemajuan projek itu berjumlah RM75 juta yang sudah dibelanjakan sejak memulakan kerja Disember tahun lalu dan perlu disiapkan dalam tempoh setahun, iaitu hujung tahun ini.

Sebelas projek itu ialah Kolej Komuniti Jempol (Negeri Sembilan), Kuching (Sarawak), Teluk Intan (Perak), Tawau (Sabah), Segamat (Johor), bandar Melaka, Kuantan (Pahang), Kepala Batas (Pulau Pinang), Arau (Perlis) dan Sebak Bernam (Selangor).

Pembinaan Kolej Komuniti diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai satu daripada program kerajaan untuk menyediakan lebih banyak tempat kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang kemahiran, termasuk mereka yang gagal mendapat tempat di institusi pengajian tempatan awam (IPTA).

Pengerusi Jawatankuasa Pembina Kolej Komuniti (Projek Perintis), Bahari Abdullah, dalam sidang akhbar di sini, hari ini berkata, beliau bagi pihak semua pemaju terbabit memohon kepada kerajaan menimbangkan rayuan mereka untuk mendapatkan wang kemajuan secepat mungkin.

"Perkara ini sudah dimaklumkan kepada Kementerian Pendidikan pada 19 Mac lalu dan susulan turut dibuat kepada Kementerian Kewangan pada 12 April. Malangnya tidak ada sebarang makluman positif diterima.

"Mengikut taklimat dalam pertemuan dihadiri pegawai tinggi kementerian terbabit sebelum diserahkan kontrak pelaksanaan projek, kami dijanjikan dengan semua pembayaran mengikut jadual.

"Selepas kami mengeluarkan banyak wang yang menjangkau jutaan ringgit, sehingga ini satu sen pun wang kemajuan projek belum diterima daripada pihak terbabit," katanya.

Beliau berkata, ada projek yang sepatutnya perlu disiapkan Jun ini untuk membolehkan pengambilan pelajar perintis memulakan pengajian pada 1 Julai.

Bahari berkata, berikutan masalah itu, pemaju serta kontraktor terbabit bimbang mereka pula dipersalahkan dan meminta semua pihak memahami keadaan dialami tanpa membuat pelbagai andaian.

Katanya, mereka tidak mampu mencari sumber lain untuk menampung kos projek kerana sudah menghabiskan dana dalaman selain mendapatkan pembiayaan institusi kewangan tempatan untuk menyempurnakan projek.

(END)